



**PERUTUSAN  
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

**SEMPENA  
HARI HUTAN ANTARABANGSA 2023**

**21 MAC 2023**

---

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

**Salam Sejahtera**

Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan, pemeliharaan dan pemuliharaannya demi kesejahteraan masyarakat dan kestabilan alam sekitar.

Hutan merupakan aset semula jadi negara yang amat bernilai. Hutan memainkan peranan penting dalam menyediakan habitat, makanan, perlindungan serta sumber bekalan air dan udara bersih untuk manusia, haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan. Selain itu, hutan juga membantu mengekalkan khazanah biodiversiti dan mengurangkan kesan perubahan iklim melalui penyimpanan karbon.

Walau bagaimanapun, terdapat kawasan hutan yang menerima ancaman seperti krisis melalui kebakaran hutan, serangan makhluk perosak dan pencerobohan yang berleluasa. Justeru, tema **Hutan dan Kesihatan (*Forests and Health*)** telah dipilih sebagai tema sambutan pada tahun ini di peringkat global bagi menyemai dan meningkatkan kesedaran untuk memelihara dan memulihara kawasan hutan di kalangan masyarakat.

Penekanan diberikan kepada kepentingan hubung kait antara hutan dan kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar. Pengiktirafan kepentingan hutan untuk keselamatan dan keterjaminan makanan juga telah meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia mengingatkan kita bahawa kesihatan dan kesejahteraan manusia, haiwan dan persekitaran adalah saling berkait rapat. “One Health” yang merupakan usaha kolaboratif pelbagai disiplin untuk mencapai kesihatan optimum antara manusia, haiwan, hutan dan alam sekitar mencadangkan pendekatan secara holistik perlu diambil dalam penglibatan manusia dengan alam semula jadi.

Perubahan guna tanah secara tidak mampan serta kesan perubahan iklim turut menyumbang kepada kemunculan penyakit berjangkit baharu. Dalam hubungan ini, memelihara dan menggunakan hutan secara mampan adalah salah satu cara terbaik untuk kita melindungi alam semula jadi dan diri kita sendiri. Hutan yang sihat boleh membantu mengurangkan kesan negatif kepada kesihatan manusia dan persekitaran serta menjamin kesejahteraan bersama.

Bagi mencapai tujuan ini, pelbagai usaha dan program utama telah dianjurkan, antaranya seperti Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot, Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara, *Central Forest Spine* dan *Heart of Borneo* yang akan terus diberikan tumpuan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri bagi memelihara dan memelihara khazanah hutan negara yang tidak ternilai.

Selain itu, dalam usaha berterusan dalam memastikan khazanah hutan negara diuruskan secara mampan, Kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan Inventori Sumber Hutan Nasional Ke-6 bagi Semenanjung Malaysia. Pelaksanaan inventori sumber hutan ini dilaksanakan setiap 10 tahun. Manakala, bagi wilayah Sabah dan Sarawak, pelaksanaan inventori sumber hutan buat pertama kalinya turut dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya, sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2023 ini dapat mengingatkan semua pihak tentang betapa pentingnya kita sebagai rakyat Malaysia, berusaha dalam mengekalkan bumi Malaysia dengan kehijauan kawasan berhutan yang kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna demi kesejahteraan hidup generasi kini dan akan datang. Khazanah hutan ini bukan warisan nenek moyang kita, tetapi pinjaman daripada anak cucu kita.

**Hutan yang sihat untuk masyarakat yang sihat.**

Selamat menyambut Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2023.

**NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**  
**21 Mac 2023**